



ANUGERAH: Wong Wee Tyng (kiri) menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Bukan Bumiputera) daripada Tun Juhar.

UB 27.06.2022 P.02

Tun Juhar seru graduan tingkatkan ilmu terkini

KOTA KINABALU: Golongan graduan diseru mempertingkatkan ilmu terkini agar dapat mendepani cabaran revolusi teknologi.

Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin berkata, graduan perlu percaya pada kekuatan diri dalam menghadapi era pembangunan teknologi seperti ‘Artificial Intelligence’ (AI) dan ‘Robotic Process Automation’ yang tidak boleh dihalang.

“Antara langkah yang boleh diambil untuk mendepani cabaran ini adalah dengan melakukan perubahan seperti berminda keusahawanan dan menguasai kemahiran dalam mengharungi kehidupan.

“Selain itu, graduan juga perlu bersedia mempertingkatkan penguasaan ilmu terkini untuk membantu agama, bangsa dan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan perutusan dan mengisyiharkan Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kali Ke-23 Bagi Graduan 2021 di Dewan Canselor UMS di sini Sabtu lepas.

Dalam pada itu, Juhar juga berharap pertambahan ilmu yang diperoleh para graduan diguna bagi menabur bakti, menyemai ilmu kepada generasi seterusnya.

“Paling utama jangan pernah untuk lupa berpaling melihat UMS dan berikan bakti kepada generasi baharu yang sedia menanti anda di sini.



GRADUAN: Sebahagian daripada graduan yang terlibat dalam Sidang Pertama Majlis Konvokesyen UMS ke-23.

“Kita tidak berhasrat mengubah sejarah tetapi anda sebagai graduan yang dilahirkan oleh UMS berada dalam kedudukan mampu melakar sejarah untuk hari-hari mendatang,” katanya

Pada majlis itu, Juhar yang juga Canselor UMS menyampaikan penganugerahan ijazah kepada graduan-graduan sidang pertama yang terdiri daripada 71 graduan Doktor Falsafah (PhD), enam graduan Doktor Kesihatan Awam (DrPH), 96 graduan Sarjana Penyelidikan, 23 graduan Sarjana Kerja Kursus (Pascasiswa-zah SPADA), 238 graduan Sarjana Kerja Kursus dan 27 graduan Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Pengajian Islam (FIS).

Turut disampaikan, Anugerah Pelajaran Diraja (Bumiputera) dan Anugerah Pelajaran Diraja (Bukan Bumiputera) masing-masing

diberikan kepada Mohamad Hilmi Mohd Zalis dari FIS dan Wong Wee Tyng dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP).

Selain itu, Anugerah Pingat Emas Canselor disampaikan kepada Yip Kai Ting dari Fakulti Kejuruteraan (FKJ) dan Anugerah Pingat Emas Naib Canselor pula diberikan kepada Wong Ying Huan dari Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA).

Hadir sama, Pengurus Lembaga Pengarah UMS Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan; Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah UMS.

Majlis konvokesyen itu turut menyaksikan seramai 4,319 graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, diploma lepasan ijazah dan diploma.